

BAB 1

AL-GHAZĀLĪ DAN FALSAFAH SAINS

Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan keadaan dan suasana pemikiran yang berlaku sebelum kelahiran al-Ghazālī sebagai ahli falsafah di dunia Islam yang telah menyentuh dalam tulisannya persoalan falsafah sains. Pada zaman sebelum kelahiran al-Ghazālī, terdapat beberapa kemelut aliran dan pemikiran yang sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat dan dunia keilmuan pada zaman selepas itu. Di antara kemelut pemikiran dan aliran tersebut adalah dalam bidang politik dan keagamaan. Begitu juga dalam bab ini akan dibicarakan pencapaian keilmuan oleh para sarjana dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan waktu itu. Selain itu, dalam bab ini juga akan dijelaskan kehidupan al-Ghazālī dalam dunia keilmuan yang secara tidak langsung menceburi bidang falsafah sains.

1.1 Perkembangan Politik, Pemikiran dan keilmuan Sebelum al-Ghazālī

Terdapat aliran dan pemikiran yang bercambah di zaman sebelum al-Ghazālī. Suasana kontroversi antara aliran politik amat ketara jika dibandingkan dengan aliran intelektual waktu itu. Walau bagaimanapun pada abad kesepuluh negara Islam menyaksikan suatu pergolakan prestasi intelektual yang dapat dikatakan cemerlang dalam sejarah Islam. Namun demikian, hal ini tidak seperti dalam urusan politik dan kenegaraan. Perpecahan secara bertahap dalam kesatuan politik terlihat, diikuti dengan memudarnya kekuasaan khalifah di Baghdād.¹⁰² Walaupun khalifah yang dahulunya berkuasa atas seluruh daerah-daerah Islam, tetapi pada abad ini dapat disaksikan, kekuasaan khalifah hanya terhad di Baghdād, malah hanya di dalam istana sahaja. Kekuasaan telah diberikan kepada raja-raja yang mengurus pentadbiran dan politik negara. Penguasa di daerah-daerah negara Islam, melepaskan diri dari ikatan khalifah di Baghdād.¹⁰³ Kalaupun khalifah berkuasa, kekuasaan mereka hanya dalam bidang agama bukan politik seperti yang dijelaskan oleh al-Birunī (973-1051).¹⁰⁴ Oleh itu, kita lihat negara Islam ketika itu ditandai dengan kerajaan-kerajaan kecil yang diperintah oleh raja-raja yang berlainan seperti Şafāriyyah di Parsi (867-908M), Samāniyyah di Transoxiana dan Parsi (874-979M), Ghaznawiyah di Afghānistān dan Punjab (962-1186M), Buwaihiyyah di

Baghdād (946-1055M) yang kemudian diganti oleh Banī Saljūq (1055-1194M) iaitu zaman di mana al-Ghazālī hidup.

Selain itu, telah wujud kekhalfahan di Mesir oleh Banī Fāṭimiyah, pendukung Shi'ah Ismā'īliyyah (909-1171M) dan Banī Umayyah di Sepanyol (912-1031M) aliran sunnī yang kontra dengan Baghdād dan Mesir. Oleh itu, sebelum zaman al-Ghazālī, telah wujud tiga kekhalfahan yang besar di dunia Islam yang masing-masing saling bertentangan antara satu sama lain.

Dalam masa tiga puluh tiga tahun sebelum al-Ghazālī dilahirkan, Banī Buwaihiyyah yang memerintah Baghdād, termasuk kawasan-kawasan sekitarnya, memang giat menanamkan semangat Shi'ah Imāmiyyah di kalangan masyarakat awam. Banī Buwaihiyyahlah penguasa yang pertama dalam tahap kedua kekhalfahan Banī 'Abbāsiyyah yang mengisytiharkan perlindungan dan sokongan terhadap golongan shi'ah.¹⁰⁵ Walaupun mereka tidak memaksa rakyat menganut fahaman tersebut, namun doktrin shi'ah jelas tersebar luas. Banī Buwaihiyyah di bawah Mu'iz al-Dawlah mengutuk Mu'āwiyah dan orang-orang yang menindas keluarga Nabi saw. Bahkan mereka mengadakan upacara-upacara shi'ah seperti perayaan *Ghādir Khūm*.¹⁰⁶ Walau bagaimanapun doktrin shi'ah tidak mendapat sambutan daripada rakyat. Rakyat kebanyakannya bermazhab sunnī, sehingga Banī Buwaihiyyah terpaksa

menyesuaikan diri dengan situasi itu. Malah pendirian Banī ‘Abbāsiyyah tetap berdiri atas faham sunnī. Walaupun demikian, golongan sunnī tertekan. Mereka menghadapi dua masalah iaitu penguasa negara yang bukan penganut sunnī dan khalifah sunnī yang tidak mempunyai kuasa politik.¹⁰⁷ Hal inilah yang mendorong pemerintahan Banī Saljūq yang sunnī menjadi agresif ketika merampas kekuasaan dari Banī Buwaihiyyah pada zaman al-Ghazālī.

Satu hal yang penting sebelum al-Ghazālī adalah kemunculan ulama-ulama shī‘ah secara tersusun yang dianjurkan oleh Banī Buwaihiyyah.¹⁰⁸ Secara intelektual, ulama sunnī yang berhadapan dengan shī‘ah mencuba berusaha untuk mengembalikan kedudukan sunnī dalam pemerintahan. Inilah yang menyebabkan al-Māwardī (m.1058) mengarang buku *Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, yang disusun begitu rupa untuk mempertahankan kedudukan khalifah dari raja-raja Banī Buwaihiyyah yang berkuasa di Baghdād waktu itu,¹⁰⁹ sekaligus menolak konsepsi negara bagi penganut Shī‘ah Imāmiyyah. Reaksi buku tersebut memberi dampak yang besar terhadap perkembangan ideologi politik pada zaman selepas itu. Selain itu, Banī Buwaihiyyah yang mendukung Imāmiyyah secara langsung menolak Shī‘ah Ismā‘īliyyah.¹¹⁰ Justeru itu, Shī‘ah Ismā‘īliyyah juga turut tertekan, malah mereka menunjukkan penentangan terhadap Banī Buwaihiyyah. Muncul gerakan Ikhwān al-Ṣafā di Baṣrah, yang sekian lama terlibat dalam propaganda

politik rahsia sejak meninggalnya imam mereka Ismā'īl tahun 760M. Dari reaksi ini, Ikhwān al-Ṣafā melanjutkan propaganda rahsia Isma'iliyyah khususnya dā'ī-dā'ī Qarāmiṭah dengan membentuk kelompok ilmiah dan falsafah yang akhirnya mencapai titik kecemerlangan dalam bidang keilmuan.¹¹¹ Pada abad kesepuluh ini, gerakan ilmiah hasil dari kegigihan Ikhwān al-Safā menulis *Rasā'ilnya* yang merupakan sebuah ensiklopedia falsafah, matematik dan astrologi, telah tersebar luas dan popular di kalangan orang-orang Arab ketika itu.¹¹²

Sebelum zaman al-Ghazālī, pada waktu itu, walaupun pergolakan politik sunni shi'ah berjalan, perkembangan teologi sunni yang memantapkan doktrin Ash'ariyyah telah berlaku. Al-Bāqillānī (m.1013) mengepalai faham teologi Ash'ariyyah dalam memperluas lingkup perbahasan ilmu kalam, sehingga kesan pengaruhnya berlanjut sampai ke zaman al-Ghazālī. Al-Bāqillānī telah menampakkan perkembangan teologi rasional yang lebih menyeluruh dan sistematik.¹¹³ Selain itu, berkembang teologi rasional dari golongan Mu'tazilah diketuai oleh 'Abd al-Jabbār (m.1025M) yang pada umumnya golongan shi'ah menerima ajaran tersebut.¹¹⁴ Pemikiran teologi ini berkembang secara sederhana sehingga zaman al-Ghazālī, walaupun pada masa 'Abd al-Jabbār golongan sunni masih mempunyai pengikut yang besar di bawah kesan pengaruh Ibn Battā (m.997M).¹¹⁵

Pergolakan keilmuan waktu sebelum al-Ghazālī terutama dalam bidang sains dan falsafah diperkirakan sampai ke tahap kemajuan yang membanggakan. Sains dan falsafah Yunani telah berkembang dengan mantapnya di daerah-daerah Islam iaitu Iskandariyyah, Antioch, Bactra dan Jundishāpūr. Manakala Baghdad pula, telah sekian lama menjadi pusat penyebar ilmu-ilmu Yunani. Galakan dan dukungan khalifah-khalifah Bani ‘Abbāsiyyah di Baghdād dengan mendirikan Baiyt al-Ḥikmah dan kegiatan-kegiatan keilmuan seperti *majlis al-munāẓarah*,¹¹⁶ penerjemahan buku-buku Yunani ke dalam bahasa Arab dilakukan secara besar-besaran menyebabkan pemantapan sains dan falsafah Yunani di negara Islam.¹¹⁷ Inilah salah satu faktor lahirnya ahli-ahli sains dan failasuf-failasuf Islam antaranya, al-Kindī, al-Razī, al-Farabī, Ibn Sīnā dan lain-lain. Walau bagaimanapun sains dan falsafah Yunani selanjutnya mengalami sedikit kemerosotan pada zaman al-Ghazālī akibat serangan beliau terhadap falsafah tersebut.¹¹⁸

Betapapun kemelut politik waktu itu tidak menentu, tetapi kegiatan ilmu pengetahuan menunjukkan prestasi yang agak baik. Malah pemerintahan Bani Buwaihiyyah menggalakkan rakyatnya dalam mencari ilmu pengetahuan, sehingga dengan itu, lahirlah ilmuwan-ilmuwan agong. Ilmu perubatan ditekuni pada zaman ini. Hospital (bimaristan) al-‘Aḏūdī didirikan. Di Hospital ini Bani Buwaihiyyah mendirikan sekolah perubatan. Seramai dua puluh empat

orang doktor bertugas di situ.¹¹⁹ ‘Alī Ibn ‘Abbās al-Majūsī (m.994M) antara ilmuwan dalam bidang perubatan yang terkenal waktu itu. Beliau pengarang kitab *Kāmil al-Sinā’āt*.¹²⁰ Begitu juga Jibrā’īl ibn ‘Ubaidullah doktor yang terkenal di bimaristan.¹²¹ Selain itu, Abū Bakr Muḥammad ibn Zakariyyā yang terkenal dengan panggilan al-Rāzī (m.863 ?/923M)¹²² adalah seorang doktor dan failasuf waktu itu. Salah satu kritikan al-Ghazālī terhadap falsafah beliau adalah doktrin *Lima Kekal*.¹²³ Al-Razi sebagai doktor dan failasuf pada waktu itu amat berpengaruh, sehingga beliau dilantik menjadi ketua hospital di Ray dan kemudian di Baghdad.¹²⁴ Selain al-Rāzī, Ibn Sīnā (980-1037M) juga hidup pada zaman pemerintahan Bani Buwaihiyyah. Walaupun demikian, sebelum zaman al-Ghazālī, pengaruh Ibn Sīnā amat ketara, sama ada dari aspek falsafah mahupun ilmu perubatannya. Beliau pernah menjadi menteri di bawah Shams al-Dawlah¹²⁵ yang berkuasa di Hamadan dan Karman. Dalam bidang falsafah, buku beliau yang berpengaruh waktu itu adalah *Kitāb al-Shifā’* yang membicarakan mengenai falsafah tabi’i (ṭabi’iyyāt).¹²⁶ *Kitāb al-Shifā’* inilah antara kandungannya yang memberi pengaruh dan mendapat beberapa kritikan daripada al-Ghazālī.¹²⁷

Ilmu matematik juga mencapai tahap yang gemilang pada zaman Bani Buwaihiyyah. Diperkirakan, al-Khawārizmī (m.992M ?) adalah seorang tokoh matematik yang hidup pada zaman ini.¹²⁸ Selain al-Khawārizmī, seorang ahli

matematik tersohor bernama Ibn al-Haitham (m.1039M) terkenal juga dalam bidang optik.¹²⁹ Al-Ghazālī dalam membicarakan ilmu pengetahuan, beliau mengatakan bahawa ilmu yang boleh dipelajari antara lain adalah matematik.¹³⁰ Pentelaahan al-Ghazālī dalam bidang ini diperkirakan bersumber daripada hasil karya al-Khawārizmī.

Dunia Islam zaman Banī Buwaihiyyah sebelum al-Ghazālī adalah zaman kecemerlangan dalam bidang sastera. Antara sasterawan terkenal adalah Abū 'Alā al-Ma'ārī (973-1057M). Beliau seorang penyair failasuf yang mengarang *Risālat al-Ghufūrān*¹³¹ dan *al-Luzumiyāt*.¹³² Sebelum al-Ghazālī terdapat beberapa orang cendekiawan Muslim tenggelam dalam keraguan atau skeptisisme dahsyat, seperti yang berlaku kepada al-Ghazālī. Antara mereka Abū 'Alā al-Ma'ārī yang kita bicarakan ini. Beliau meragukan soal-soal akidah, seksa dan kebangkitan jasmani. Al-Ma'ārī ini lebih tepat disebut skeptisisme seorang failasuf daripada seorang penyair, sebab falsafahnya lebih kuat dan popular daripada syairnya. Walaupun beliau menzahirkan skeptisismenya dalam bentuk syair, namun ianya memerlukan kepada kajian dan renungan falsafah yang mendalam.¹³³ Skeptisisme al-Ma'ārī hanyalah berakhir dengan skeptisisme yang tidak membuahkan perkembangan, tidak seperti skeptisisme al-Ghazālī yang mencapai puncak kebenaran. Pada Zaman ini dapat kita saksikan bahawa masyarakat digemparkan dengan pemikiran

skeptisisme yang dibawa oleh pemikiran al-Ma'āri. Melihat kepada pengaruh al-Ma'āri, skeptisisme ini tidaklah menjadi suatu masalah yang besar bagi mereka. Sebelum al-Ghazālī meragukan akal, al-Ma'āri telah mendahuluinya. Akal bagi al-Ma'āri menolak sesuatu yang tidak diketahuinya.¹³⁴ Justeru itu, akal adalah meragukan al-Ma'āri tentang keyakinan agama. Kelihatannya, al-Ma'āri meninjau lebih jauh sehingga mempersoalkan keyakinan agama tidak seperti al-Ghazālī. Seorang lagi yang dihindangi penyakit skeptisisme pada zaman itu adalah al-Hamzānī.¹³⁵ Akhirnya beliau mengaku tentang teologi Islam dan dapat mencari kebenaran dengan membebaskan diri dari jeratan *taqlīd*, walaupun beliau nyaris tersesat, namun akhirnya beliau memperoleh kebenaran melalui *dhawq* dan *kashf* seperti yang ditemui oleh al-Ghazālī. Kelihatannya abad kesepuluh telah wujud skeptisisme yang seakan-akan dialami seperti al-Ghazālī pada zaman selepas itu. Potensi yang menimbulkan kepelbagaian skeptisisme ini menurut Victor adalah bercambahnya pelbagai aliran atau mazhab yang angkuh untuk mencapai kebenaran dengan akal.¹³⁶ Walhasil zaman pemerintahan Banī Buwaihiyyah, kita dapat menyaksikan kegemilangan pencapaian umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutama sains dan falsafah jika dibandingkan dengan bidang politik dan kenegaraan. Dapat dipastikan bahawa kemelut politik tidak menghalang secara serius perkembangan keilmuan waktu itu. Bidang keilmuan menanjak naik secara drastik. Justeru kerana tidak ada konflik yang menggemparkan dalam

mengubah kerangka epistemologi keilmuan. Selain itu, kerana tidak ada keperibadian yang agong mempersoalkan tentang kebenaran ilmu seperti yang dipersoalkan oleh al-Ghazālī selepas zaman itu. Sahsiah al-Ma'ārī dan al-Hamzanī tidak mengesani secara langsung terhadap pemikiran masyarakat seperti sahsiah al-Ghazālī.

Pergolakan politik dalam pemerintahan Banī Buwaihiyyah akhirnya membawa keruntuhan kekuasaan dinasti itu, berikutan masuknya orang-orang Saljūq Turki di bawah pimpinan Tughrul-Beg (m.455H/1063M)¹³⁷ dan mengisytiharkan dirinya sebagai Sulṭān Naishāpūr. Kawasan-kawasan sebelah Timur dan Barat Parsi diletakkan di bawah kekuasaannya, sehingga khalifah yang bertahta di Baghdād al-Qā'im-Billah (m.1075M) secara langsung mengiktiraf dan menganugerahi gelaran sebagai Raja Timur dan Barat, serta nama beliau disebut dalam khutbah Jumaat selepas nama khalifah. Hal ini berlaku setelah beliau dapat mengalahkan Abū al-Ḥāris Arslān al-Baṣāṣirī pada tahun 451H yang menguasai Baghdad.¹³⁸ Alp-Arslān anak saudara Tughrul-Beg menggantikannya setelah beliau meninggal. Alp-Arslān diberi gelaran oleh khalifah sebagai Saljūq Agong Pertama.

Banī Saljūq di bawah pimpinan Arslān (m.465/1072M) dapat menguasai daerah-daerah bahagian Timur dunia Islam setelah lebih satu abad

didominasi oleh penguasa shī'ah. Satu-satunya cabaran Banī Saljūq waktu itu adalah kerajaan Banī Fāṭimiyyah di Mesir seperti yang dialami Banī Buwaihiyyah. Banī Fāṭimiyyah menguasai Afrika Utara dan Syria. Arslān dapat mengalahkan Byzantine di Asia Kecil,¹³⁹ namun tidak dapat mengambil Syria dari tangan Fāṭimiyyah. Setelah Alp-Arslān meninggal, Mālik-Shāh (m.485/1092M) menggantikannya, yang berkuasa dari Asia Tengah dan perbatasan India hingga ke Laut Tengah dan dari Caucasus dan Laut Aral hingga ke Teluk Parsi kecuali Mekah dan Madinah.¹⁴⁰ Pada Zaman Mālik-Shāh inilah muncul al-Ghazālī dalam arena ilmu pengetahuan. Kemunculan al-Ghazālī itu didukung oleh penguasa Banī Saljūq. Faktor utama dukungan tersebut disebabkan bahawa Banī Saljūq adalah sealiran dalam faham teologi iaitu Ash'ariyyah, begitu juga faham *Fiqh al-Shāfi'iyyah*. Oleh itu, al-Ghazālī mendapat tempat di mata penguasa Banī Saljūq di samping mempunyai sahsiah yang agong, khususnya, Nizām al-Mulk Perdana Menteri Saljūq yang aktif dalam bidang ilmu pengetahuan.¹⁴¹

Nizām al-Mulk yang sehati dengan Ash'ariyyah dan Shāfi'iyyah, menyebarkan dan memperdalam skop pengajian sunnī demi mempertahankan negara dari ancaman faham Shi'ah Ismā'iliyyah yang menguasai sebahagian besar negara umat Islam waktu itu, terutama Mesir dan Syria. Dari aspek politik, beliau berjaya merampas kembali, walaupun tidak keseluruhannya,

pengaruh *di'āyāt shī'ah* yang sekian lama meresap masuk ke dalam jiwa masyarakat dan agama.¹⁴² Ini semua adalah salah satu hasil pembabitan al-Ghazālī dalam memperteguh ajaran sunnī di Madrasah al-Nizāmiyyah. Selanjutnya *di'āyāt shī'ah* semakin melemah dan kedudukan sunnī khususnya Ash'ariyyah bertambah mantap. Kemantapan ini diperkuat oleh institusi pendidikan yang didirikan oleh Nizām al-Mulk iaitu Madrasah al-Nizāmiyyah sama ada di Jundishāpūr mahupun di Baghdād. Malah menurut Carl Brockelmann, di setiap kota daerah kekuasaan Banī Saljūq didirikan pusat-pusat pengajian sunnī¹⁴³ ala Ash'ariyyah.

Kedudukan al-Ghazālī amat diperhatikan oleh pemerintah, malah kedudukan beliau bertambah kukuh setelah Nizām al-Mulk mengangkat beliau sebagai Penasihat Agong kerajaan¹⁴⁴ di samping menjadi Pengetua Madrasah al-Nizāmiyyah. Nizām al-Mulk yang sealiran dengan al-Ghazālī bukan sahaja seorang ahli politik, bahkan juga ilmuwan yang berjasa.¹⁴⁵ Oleh itu, dalam banyak hal al-Ghazālī menjadi tempat rujukan, ini termasuk soal-soal politik.¹⁴⁶ Bahkan kepentingan ilmu ditambah pula dengan kepentingan politik, al-Ghazālī menanjak naik nasibnya di sisi pemerintah dan rakyat jelata waktu itu.

1.2 Kehidupan al-Ghazālī dalam Dunia Keilmuan

Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muḥammad al-Ṭūsī al-Ghazālī lahir pada tahun 450H/1059M. Beliau terkenal dengan panggilan Abū Ḥāmid al-Ghazālī.¹⁴⁷ Selain Abū Ḥāmid, setelah termasyhur beliau digelar dengan *Ḥujjah al-Islām* dan *Zaiyn al-Dīn*.¹⁴⁸ Sebuah desa kecil yang bernama Ghazālāh¹⁴⁹ berdekatan dengan Ṭūs di Khūrasān adalah tempat beliau dilahirkan. Bapanya¹⁵⁰ meninggal ketika al-Ghazālī masih kecil.¹⁵¹ Sebelum meninggal, bapanya menyerahkan beliau dan adiknya Aḥmad (m.1126M) kepada seorang sahabat karib, seorang sufi, agar menjaga dan mendidik mereka berdua dengan memberi sedikit harta untuk perbelanjaan pendidikan mereka.¹⁵² Inilah pendidikan awal al-Ghazālī dari seorang sufi, dengan mempelajari al-Quran, hadis, mendengarkan kisah tentang para ahli hikmah dan menghafal syair-syair cinta mistik.¹⁵³

Berasaskan pengetahuan beliau dari seorang sufi, al-Ghazālī menjejakkan kakinya ke jenjang pendidikan formal. Pendidikan tersebut bermula di Madrasah Aḥmad ibn Muḥammah al-Radhkānī al-Ṭūsī di Ṭūs.¹⁵⁴ Guru pertama beliau adalah Yūsuf al-Nassāj seorang sufi yang kemudian menjadi Imām al-Ḥaramain.¹⁵⁵ Kelihatannya al-Ghazālī memang sejak kecil telah ditanam dengan jiwa kesufian. Di Madrasah ini beliau dalam usia relatif

muda mempelajari ilmu *fiqh* secara meluas.¹⁵⁶ Kerana semangat yang tinggi dalam menuntut ilmu pengetahuan, beliau pergi ke Jurjān di Mazardarān dalam usia tidak sampai lima belas tahun.¹⁵⁷ Di sini beliau berguru dengan Naṣr al-Dīn al-Ismā'īlī iaitu setelah tiga tahun belajar di Ṭūs.¹⁵⁸ Ilmu yang ditekuni waktu itu adalah *fiqh*. Ketika berusia tujuh belas tahun beliau pulang ke Ṭūs. Ketika ini al-Ghazālī menyusun karya pertamanya yang berjudul *al-Mankhūl min 'ilm al-Uṣūl*. Karya tersebut membahas metodologi dan teori hukum.¹⁵⁹ Kerana bagus karangannya beliau al-Juwaynī yang menjadi gurunya waktu itu berkata, "Engkau telah menguburkan ku pada hal aku masih hidup. Apakah engkau tidak boleh bersabar seketika sehingga aku meninggal?"¹⁶⁰ Beliau berkahwin pada usia belum sampai dua puluh tahun dan dikurniakan empat orang anak.¹⁶¹

Setelah itu, al-Ghazālī pergi ke Naishāpūr. Di sini beliau mempelajari ilmu *manṭiq* dan kalam dari Ḍiyā' al-Dīn al-Juwaynī¹⁶² pengetua Madrasah al-Niẓāmiyyah di Naishāpūr yang terkenal dengan panggilan Imām al-Ḥaramaiyn. Al-Juwaynī inilah yang secara tidak langsung mempengaruhi al-Ghazālī dalam ilmu falsafah. Hal ini kerana, selain al-Ghazālī sendiri mempelajari falsafah, ilmu yang diajarkan al-Juwaynī kepada al-Ghazālī penuh dengan metodologi falsafah.¹⁶³ Dengan demikian, al-Juwaynī memainkan peranan yang besar dalam menanamkan pengaruh pemikiran falsafah kepada

al-Ghazālī. Selain ilmu kalam, al-Ghazālī mempelajari ilmu tasawuf di bawah bimbingan al-Farmadhī. Ilmu tasawuf yang ditekuni itu dipraktikkan secara langsung olehnya.¹⁶⁴ Dengan demikian, di Naishāpūr beliau telah dipengaruhi dengan teori dan praktik sufi seperti yang berlaku pada usia remaja beliau dan selanjutnya menjadi pegangan asas pada dirinya.

Setelah al-Juwaynī meninggal pada tahun 478H/1085M, al-Ghazālī pergi ke Mu'askar. Ketika itu beliau berusia dua puluh lapan tahun.¹⁶⁵ Di sini beliau bertemu dengan Wazīr Nizām al-Mulk¹⁶⁶ dan menjadi sahabatnya pada masa belajar.¹⁶⁷ Menyedari pengaruh al-Ghazālī dan kehebatannya dalam ilmu pengetahuan, Nizām al-Mulk melantik al-Ghazālī sebagai pengetua di Madrasah al-Nizāmiyyah yang didirikan olehnya di Baghdad pada tahun 484H/1091M.¹⁶⁸ Nizām al-Mulk dalam kepentingan menghadapi politik semasa,¹⁶⁹ memanfaatkan al-Ghazālī kerana ilmunya yang sangat berpotensi.¹⁷⁰ Ketika berada di Baghdād, al-Ghazālī dilantik menjadi Penasihat Agong bagi kerajaan Bani Saljūq.¹⁷¹ Dengan demikian, sekaligus Madrasah al-Nizāmiyyah dapat berfungsi dengan sebaiknya, menandingi Dār al-'Ilm al-Qāhīrah di Mesir yang didirikan oleh Bani Fāṭimiyyah dalam meluaskan pengaruh shī'ah dan politik mereka. Inilah sebabnya Nizām al-Mulk menjadikan Madrasah al-Nizāmiyyah sebagai benteng pertahanan bagi golongan sunnī, sehingga beliau mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk madrasah tersebut sebanyak

enam ratus ribu dinar setahun.¹⁷² Oleh itu, sesuaiilah Nizām al-Mulk melantik al-Ghazālī menjadi pengetua madrasah tersebut dalam rangka menghadapi kemelut politik waktu itu. Aliran shī'ah Ismā'īliyyah waktu itu juga, tidak dapat diremehkan peranannya. Mereka menyebarkan doktrin secara bersembunyi dengan memanggil diri mereka sebagai Bāṭiniyyah. Nama lainnya adalah Ismā'īliyyah, kerana mempercayai doktrin imam mereka Ismā'īl ibn Jāafar Ṣādiq, yang bergerak di bawah pimpinan Khalifah al-Mustansir (427-487H/1036-1094M) dari kerajaan Fāṭimiyyah di Mesir. Di Timur, pimpinan mereka adalah Ḥasan ibn Ṣabāh yang berasal dari Ṭūs, memasukkan propaganda dan pemikiran Ismā'īliyyah dari Timur hingga ke Baghdād.¹⁷³ Inilah yang sangat-sangat dikhawatiri oleh Nizām al-Mulk.

Selanjutnya, keadaan Madrasah al-Nizāmiyyah sendiri jelas memberi motivasi kepada al-Ghazālī dalam menggali ilmu pengetahuan dan mencari hakikat kebenaran, kerana saat beliau bergelomang dengan ilmu dan sibuk mengajar di madrasah ini, timbul suatu keinginan dalam dirinya untuk mencari hakikat kebenaran yang sesungguhnya. Waktu inilah al-Ghazālī berkesempatan untuk menelaah dan memperdalam falsafah Yunani, sehingga beliau menulis *Maqāṣid al-Falāsifah*¹⁷⁴ yang menjadi pengantar kepada buku *Tahāfut al-Falāsifah*.

Selama empat tahun mengajar di Madrasah Nizāmiyyah, al-Ghazālī mengalami sejenis krisis kejiwaan, yang terasa baginya kekacauan, keraguan dan kehampaan.¹⁷⁵ Sebelum itu al-Ghazālī telah mengenali faham shī'ah Ismā'īliyyah. Faham shī'ah ini menyatakan bahawa mereka adalah pemilik satu-satunya pengajaran (al-ta'ālīm) yang diperoleh dari imam yang *ma'sūm*. Al-Ghazālī dalam usahanya menyerang faham ini, beliau menulis kitab yang bernama *al-Mustazhir*. Kitab ini ditulis terutama atas permintaan khalifah al-Mustazhir.¹⁷⁶

Krisis kejiwaan yang dialami al-Ghazālī adalah krisis intelektual. Pengkajian yang dilakukan oleh beliau terhadap dalil-dalil ahli teologi, failasuf dan ta'ālīm tidak dapat memberi jawapan yang sesungguhnya dalam pencarian hakikat kebenaran. Secara khusus, krisis ini adalah krisis dalam menetapkan hubungan yang tepat antara akal dan intuisi intelektual yang dialami al-Ghazālī.¹⁷⁷ Al-Ghazālī terbebas dari krisis itu bukan dengan melalui dalil rasional melainkan sebagai akibat dari cahaya yang dipancarkan Allah ke dalam dirinya.¹⁷⁸ Keadaan krisis tersebut menyebabkan beliau tidak tenteram tinggal di Baghdad.¹⁷⁹ Al-Ghazālī tinggalkan jawatannya dan pergi ke Shām mencari ketenangan jiwa dengan berkhawat dan *riyāḍah* di Masjid Damshiq selama hampir dua tahun.¹⁸⁰ Berikutnya al-Ghazālī pergi ke Baiyt al-Maqdis dan setelah itu ke Mekah mengerjakan haji. Di samping itu beliau ke Madinah

menziarahi makam Rasulullah saw dan kemudian ke Ḥijāz.¹⁸¹ Al-Ghazālī tidak memberitahu berapa lama beliau tinggal di Baiyt al-Maqdis, Mekah, Madinah dan Ḥijāz. Walau bagaimanapun beliau berkata bahawa beliau berkeadaan demikian lebih kurang sepuluh tahun¹⁸² yang kemudian beliau kembali ke tanah airnya setelah merasa tersangat rindu serta panggilan anak-anaknya untuk pulang ke kampung halaman.¹⁸³

Al-Ghazālī menjalani kehidupan sufi setelah kembalinya ke Ṭūs. Hal ini sebagaimana yang dipraktikannya waktu beliau mengembara selama sepuluh tahun. Hidup mengasingkan diri, berkhawat, zikir dan beribadat. Beliau tidak langsung memperdulikan masyarakat. Walau bagaimanapun setelah melihat kefasadan, runtuhnya akhlak, penyelewengan, terutama dalam akidah, ditambah pula dengan permintaan sultan untuk memerangi gejala tersebut, al-Ghazālī tergerak untuk mengajar semula buat kedua kalinya di Naishāpūr.¹⁸⁴ Selama beberapa tahun mengajar di Naishāpūr, kemudiannya beliau kembali ke Ṭūs kampung halamannya. Beliau membina madrasah dan tempat ahli-ahli sufi berkhawat berhampiran dengan rumahnya.¹⁸⁵ Pada 14 Jamādī al-Akhir tahun 505H/1111M beliau meninggal dunia dalam usia lima puluh tiga tahun, dimakamkan di tanah perkuburan Tabaran berhampiran makam al-Firdausī seorang penyair yang termasyhur.¹⁸⁶